

Parlimen tak sesuai dibubar sekarang

UM - 27/9/2020 mlb:7

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpendapat, Parlimen tidak sesuai dibubarkan sekarang bagi memberi laluan kepada pilihan raya umum (PRU) berikutan penularan pandemik Covid-19.

Sebaliknya, beliau berkata, semua pihak sepatutnya perlu mengutamakan nyawa rakyat berbanding survival politik ketika ini.

“Saya yakin jika kita adakan PRU dalam waktu singkat ini, ramai rakyat akan dijangkiti dan maut akibat Covid-19,” katanya selepas pertemuan de-

ngan beberapa ketua jabatan di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Langkawi di sini semalam

Beliau yang juga Ahli Parlimen Langkawi menambah, dalam tempoh sama negara bakal kehilangan banyak wang untuk menangani peningkatan mendadak kes Covid-19 sekiranya PRU diadakan sekarang.

“Apabila diadakan PRU, ramai rakyat akan berkumpul berdekatan dan tiada penjarakan fizikal, sekali gus membolehkan Covid-19 berkembang dengan cepat.

“Lihatlah Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah sekarang, kes

jangkitan penyakit ini mencecah tiga angka dan pernah mencatat sehingga 200 kes,” katanya.

Pada masa sama, Dr. Mahathir memberitahu, beliau tidak berhasrat bertanding pada PRU akan datang sekiranya dilaksanakan mengikut tempoh penggal semasa memandangkan usianya sudah mencecah 98 tahun ketika itu.

“Bagaimanapun saya bersedia menawarkan nasihat dan berkongsi pengalaman dengan parti yang baru ditubuhkannya, Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) jika perlu,” katanya.



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD